UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua**

**Sidang Akademik 1999/2000**

**Februari 2000**

**HMT 222 – Sintaksis Bahasa Malaysia**

Masa: [3 jam]

---

KERTAS UJIAN INI MENGANDUNGI **LIMA** [5] SOALAN DI DALAM **TIGA** [3] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan.

**SEMUA** contoh mesti daripada Bahasa Melayu.

**BAHAGIAN A** Jawab **KEDUA-DUA** [2] soalan

1. Dengan menggunakan format esei formal yang lengkap, pilih (a) atau (b). Sertakan contoh yang sesuai dan memadai.

   (a) Jelaskan secara ringkas satu-persatu subteori dalam kerangka P & P. Terangkan juga tujuan dan kepentingan teori sintaksis kerangka P & P dalam pengkajian, pembelajaran, dan pengajaran sintaksis sesuatu bahasa. Di samping itu, berikan juga pendapat anda tentang kewujudan pelbagai teori sintaksis dalam pengkajian, pembelajaran, dan pengajaran sintaksis sesuatu bahasa.

   (b) Jelas secara ringkas satu-persatu komponen budaya. Terangkan juga tujuan dan kepentingan kehadiran aspek budaya dalam pengakajian, pembelajaran, dan pengajaran sintaksis sesuatu bahasa. Di samping itu, berikan juga pendapat anda tentang kemasukannya ke dalam pengkajian, pembelajaran, dan pengajaran sintaksis sesuatu bahasa.

[25 markah]

../2-

2. Pilih **SATU** daripada (a) hingga (c). Huraikan binaan ayat-ayat yang anda pilih. **Masukkan semua rumus, rajah pohon, syarat, prinsip, andaian, dan hal-hal yang berkaitan dalam huraian anda.**

(a) Doktor itu bertanya siapa yang terpotong jarinya.
(b) Wanita itu berkata bahawa anaknya telah dilarikan oleh penculik.
(c) Pelajar lelaki dan pelajar perempuan terduduk melihat soalan peperiksaan ini.

[25 markah]

<u>BAHAGIAN B</u> – Pilih <u>DUA</u> [2] soalan sahaja.

3. Dengan menggunakan contoh yang sesuai, jelaskan secara ringkas dan padat <u>DUA</u> [2] daripada (a) hingga (d) konsep berikut:

(a) objek mengikut P & P dan nahu tradisional.
(b) Adjung dan komplemen.
(c) Ayat pasif dan ayat aktif.
(d) Prinsip unjuran dan prinsip unjuran lanjutan.

[25 markah]

4. Jawab <u>DUA</u> [2] daripada (a) hingga (d).

(a) Tunjukkan dua cara standard untuk merepresentasi ayat berikut, dan berikan satu cara interpretasi rumus yang dipilih secara dasarnya oleh P & P untuk baris pertama rumus ayat berikut:

Shah Rukh Khan telah menarikan tarian daling-daling dengan Kajol dalam filem 'Kuch Kuch Hota Hai"

(b) Tentukan dan terangkan dengan ringkas kewujudan frasa determiner dalam ayat berikut:

Siti Nurhaliza menyanyi di suatu konsert amal.

(c) Terangkan dengan ringkas dan padat konsep 'Bentuk Logikal' dalam P & P.

(d) Terangkan dengan ringkas kehadiran atau ketidakhadiran subjek dalam bahagian yang bergaris dalam dialog di bawah, dan bandingkan dengan ayat dalam bahasa Poland: Widzialem Jana.

Kak Long: Kak Ngah, Tok Noli buat apa?
Kak Ngah: Kopek obi.
(nota: obi = ubi kayu)

[25 markah]

5. Huraikan dengan lengkap anafora, prapenerang, dan jenis-jenis anafora. Sertakan contoh yang sesuai.

[25 markah]

- oooOOOooo -